

***NANG TALUNG* DI KEDAH DAN PERLIS :  
SATU KAJIAN TERHADAP ASPEK  
PERSEMBAHAN**

**BOON JONG FOOK**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**2018**

***NANG TALUNG* DI KEDAH DAN PERLIS :  
SATU KAJIAN TERHADAP ASPEK  
PERSEMBAHAN**

oleh

**BOON JONG FOOK**

**Tesis diserahkan Untuk  
memenuhi keperluan bagi  
Ijazah Doktor Falsafah**

**Jun 2018**

## PENGHARGAAN

Saya amat bersyukur kerana tesis ini berjaya disempurnakan jua walaupun saya menghadapi berbagai kekangan ketika menekuninya. Kejayaan ini amatlah bermakna dan segalanya adalah berkat bantuan yang tidak mengenal penat jerih dari pelbagai pihak.

Pertama sekali, sekalung jutaan terima kasih yang tidak terhingga dirakamkan kepada Yang Berbahagia, Dr. A.S. Hardy Shafii selaku penyelia utama saya yang telah mengambil alih tempat Yang Berbahagia, Prof. Emeritus Dato' Dr. Mohd. Ghouse Nasuruddin yang sebelum ini telah banyak membimbing saya sepanjang pengajian ini. Kepercayaan dan harapan kedua-dua penyelia ini terhadap kemampuan serta potensi saya merupakan faktor utama yang sentiasa menggerakkan sanubari saya dan ia telah menambahkan daya tahan saya untuk terus menyiapkan tesis ini. Saya tersangatlah insaf, bahawa dengan berkat segala galakan dan sokongan serta dorongan inilah yang telah membawa saya untuk mara sampai ke titik ini. Segala tunjuk ajar, nasihat, bimbingan serta teguran yang tidak pernah mengenal jemu oleh penyelia berdua inilah yang telah mendorong saya untuk bertekad menyiapkan tesis ini sehingga jayanya.

Keduanya, tanda penghargaan saya ingin dirakamkan kepada Rektor, Institut Pendidikan Guru Malaysia kerana telah meluluskan pengajian secara sambilan ini. Tidak dilupakan juga, penghargaan kepada Perpustakaan Universiti Sains Malaysia, Perpustakaan Awam Negeri Kedah, Perpustakaan Muzium Negeri Kedah, Perpustakaan Institut Kajian Thai Selatan, University Thaksin, Hatyai, Thailand yang

telah memberi ruang kepada saya untuk mendapat segala kemudahan dan bahan-bahan rujukan.

Ketiganya, saya ingin tujukan ucapan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga ini kepada individu seperti Pengarah Institut Kajian Thai Selatan, University Thaksin, iaitu Encik Pittaya Butsararat; Seniman Negara Thailand genre Nang Talung terkini, Encik Nakharin Chatong; serta nai nang (dalang) Nang Talung di wilayah Songkhla yang telah ditemui untuk ditemubual seperti Nang Taew, Nang Naeb, Nang Kitti, Nang Mongkhol dan Nang Chamrun yang merupakan anak didik kepada Nang Nakharin Chatong. Tidak dilupakan juga Seniman Negara Thailand dalam genre Seni Permainan Tradisi, Khuan Tuanyok yang telah banyak membantu saya sejak di peringkat pengajian sarjana lagi. Begitu juga kepada semua kumpulan Nang Talung tempatan di Negeri Kedah dan Perlis yang telah memberi peluang kepada saya untuk bersama-sama mereka dalam persembahan serta menemubual sepanjang penglibatan saya dengan persembahan mereka. Ini terutama sekali, kepada kumpulan seperti Nang Nuam Sroisiln dari Kampung Tok Set, Pendang; kumpulan Nang Rin Phetprasit dari Kampung Behor Gelam (Bankhok), Perlis; kumpulan Nang Aroon Pathumsiln dari Kampung Titi Akar, Pendang, Kedah; dan akhir sekali kepada Nang Chan Kaew dari Kampung Changdeng, Naka, Padang Terap, Kedah. Mereka inilah merupakan informan utama saya dan telah membekalkan segala data primer yang amat berguna dan saya amat terhutang budi kepada mereka semua selaku pemimpin kepada kumpulan masing-masing. Juga tidak dilupakan kepada semua ahli-ahli di dalam kumpulan yang senantiasa membantu dan memberi kerjasama tanpa jemu. Saya insaf, tanpa kerjasama yang erat seperti ini sudah pasti informasi yang diterima tidak akan seberapa maknanya dalam ertikata yang sebenar-benarnya.

Sejambak bunga mewangi tanda terhutang budi dan terima kasih juga ditujukan kepada setiap individu atau informan, sama ada secara langsung atau tidak langsung yang telah membantu dan menyumbang ke arah penyempurnaan tesis ini yang tidak termampu untuk saya perturunkan nama mereka satu persatu di sini. Penghargaan yang paling istimewa juga ingin saya tujukan kepada isteri dan anak-anak saya yang sangat memahami dan sentiasa memberi sokongan sepanjang penulisan tesis ini. Di atas segala kesabaran dan kesetiaan kalian, diucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga jua.

*This thesis is specially dedicated to my lovely wife, Ee Nai and my daughters: Vanessa Boon, Varieya Boon and Varienie Boon for their understanding throughout this long journey for one quest of knowledge.*

## SENARAI KANDUNGAN

Penghargaan	ii
Senarai Kandungan	v
Senarai Contoh Petikan Muzik	x
Senarai foto	xi
Abstrak	xiii
Abstract	xiv

### **BAB 1: PENGENALAN**

1.1	Pengenalan Umum	1
1.2	Skop Kajian	3
1.2.1	Lataran Sejarah	4
1.2.2	Pernyataan Masalah	12
1.2.2(a)	Masalah Kepupusan Nang Talung	14
1.2.2(b)	Masalah Kekurangan bahan bacaan dalam Bahasa Melayu	17
1.2.2(c)	Mendokumentasikan Aspek Persembahan Nang Talung	19
1.2.3	Objektif Kajian	21
1.2.4	Persoalan Kajian	21
1.2.4	Fokus Kajian	21
1.2.5	Kepentingan dan Sumbangan Kajian	23
1.2.6	Metodologi Kajian	24
1.2.7	Kenyataan Hipotesis	29

1.2.8	Definisi Istilah/Daftar kata	30
1.3	Batasan Kajian	32
1.4	Tinjauan Literatur	32
1.5	Justifikasi Pengkajian	54
1.6	Kerangka Bab	57

## **BAB 2: WAYANG KULIT KE NANG TALUNG: SEPINTAS LALU**

2.1	Pengenalan	59
2.2	Wayang Kulit Dunia Sepintas Lalu	60
2.3	Tradisi Wayang Kulit di Negara Thailand	65
2.3.1	Asal Usul Nang Talung	73
2.3.2	Tokoh-tokoh Nang Talung tersohor di Thailand selatan	78
2.4	Tokoh Nang Talung di negeri Kedah dan Perlis	83
2.5	Isu Kekinian dalam Persembahan Tradisional	89
2.5	Rumusan	95

## **BAB 3: KEPERLUAN ASAS DALAM PERSEMBAHAN NANG TALUNG**

3.1	Pengenalan	98
3.2	Keperluan Persembahan Nang Talung	98
3.2.1	Keperluan Sumber Manusia	99
3.2.1(a)	Nai Nang	99
3.2.1(b)	Luk Khuu	116
3.2.1(c)	Tuan kerja atau Penganjur	124
3.2.1(d)	Penonton	127

3.2.2	Keperluan Bukan Sumber Manusia	131
3.2.2(a)	Pentas Nang Talung dan peralatan di dalamnya	132
3.2.2(b)	Gambar Kulit	142
3.2.2(c)	Peralatan Muzik	156
3.2.3	Cerita Nang Talung dan Mantera	157
3.3	Rumusan	163

**BAB 4 : MUZIK NANG TALUNG : FOKUS KEPADA FUNGSI, ALAT DAN  
LAGU**

4.1	Pengenalan	165
4.2	Muzik Tradisional di rantau ini	166
4.3	Unsur Muzik dalam Persembahan Nang Talung	169
4.4	Fungsi Muzik dalam Persembahan Nang Talung	171
4.4.1	Muzik Instrumental	171
4.4.2	Muzik Vokal	176
4.4.2(a)	Nyanyian Hiba	179
4.4.2(b)	Nyanyian Nasihat	181
4.5	Alat Muzik dalam Ensembel Nang Talung	184
4.5.1	Kategori Erofon	185
4.5.2	Kategori Membranofon	189
4.5.3	Kategori Idiofon	192
4.5.4	Alat Muzik Tambahan	195
4.6	Repertoire lagu-lagu Iringan Nang Talung	201
4.6.1	Lagu Buka Panggung	201
4.6.2	Lagu Maharisi	206

4.6.3	Lagu Phra Isuan	208
4.6.4	Lagu Phrai Na Bot	210
4.6.5	Lagu Pemberitahu Cerita	212
4.6.6	Lagu Meletak Nama Negeri	214
4.6.7	Lagu Berjalan	218
4.6.8	Lagu Perang	220
4.6.9	Lagu Pemisah babak	222
4.6.10	Lagu Meratap/sedih	227
4.6.11	Lagu Penutup	229
4.7	Rumusan	233

## **BAB 5: PRAKTIS RITUAL DALAM PERSEMBAHAN NANG TALUNG**

5.1	Pengenalan	236
5.2	Amalan dan Kepercayaan dalam persembahan Nang Talung Biasa	237
5.2.1	Kepercayaan dan Amalan Sebelum Persembahan	238
5.2.2	Kepercayaan dan Amalan Semasa Persembahan	263
5.2.3	Kepercayaan dan Amalan Selepas Tamat Persembahan	279
5.3	Amalan /Upacara Putus Niat dengan persembahan Nang Talung	282
5.3.1	Upacara Melepas niat Nang Talung oleh Nang Rin	299
5.3.2	Upacara Melepas niat Nang Talung oleh Nang Nuam	302
5.4	Rumusan	313

## **BAB 6: PERBINCANGAN DAN PENUTUP**

6.1	Pengenalan	316
6.2	Ringkasan dan kesimpulan keseluruhan tesis	316

6.3	Ringkasan Pembaharuan Keseluruhan	325
6.4	Isu Survival Seni persembahan Tradisional	328
6.5	Masa depan persembahan Nang Talung	329
6.6	Cabaran Filem Sebagai Hiburan Media Baharu	333
6.7	Masalah yang dihadapi oleh penggiat	337
6.8	Cadangan pengabdian	340
6.9	Bidang kajian selanjutnya	343
6.10	Penutup	347
	<b>BIBLIOGRAFI</b>	350
	<b>LAMPIRAN</b>	

## SENARAI CONTOH PETIKAN MUZIK

		<b>Muka Surat</b>
Petikan Muzik 4.1	Lagu Iringan Putus Niat	173
Petikan Muzik 4.2	Lagu Pendek	177
Petikan Muzik 4.3	Lagu Hiba	179
Petikan Muzik 4.4	Lagu Iringan Nyanyian Nasihat	181
Petikan Muzik 4.5	Muzik Pra Buka Panggung	203
Petikan Muzik 4.6	Lagu Lao Saeng Thian	205
Petikan Muzik 4.7	Lagu Maharisi	207
Petikan Muzik 4.8	Lagu Phra Isuan	209
Petikan Muzik 4.9	Lagu Phrai Na Bot	211
Petikan Muzik 4.10	Lagu Pemberitahu Cerita	213
Petikan Muzik 4.11	Lagu Meletak Nama Negeri	216
Petikan Muzik 4.12	Lagu Raja Bertitah	217
Petikan Muzik 4.13	Lagu Berjalan Perlahan	219
Petikan Muzik 4.14	Lagu Berjalan Sederhana	219
Petikan Muzik 4.15	Lagu Berjalan Cepat	220
Petikan Muzik 4.16	Lagu Perang	221
Petikan Muzik 4.17	Lagu Intro	223
Petikan Muzik 4.18	Lagu rentak sederhana	225
Petikan Muzik 4.19	Lagu Rentak Rancak	226
Petikan Muzik 4.20	Lagu sedih	229
Petikan Muzik 4.21	Lagu Penutup	230
Petikan Muzik 4.22	Lagu Perpisahan	223

## SENARAI FOTO

		<b>Muka Surat</b>
Foto 3.1	Bahagian depan panggung Nang Taew	133
Foto 3.2	Bahagian depan panggung Nang Rin	134
Foto 3.3	Bahagian depan panggung sementara	135
Foto 3.4	Pandangan bahagian sisi	135
Foto 3.5	Panggung Nang Talung kekal	137
Foto 3.6	Nang Rin sedang beraksi	139
Foto 3.7	Gambar Maharisi	147
Foto 3.8	Gambar Phra Isuan	148
Foto 3.9	Gambar Phrai Na Bot	149
Foto 3.10	Gambar Raja dan permaisuri	151
Foto 3.11	Gambar Raja dan permaisuri	151
Foto 3.12	Gambar watak utama....	152
Foto 3.13	Gambar wanita berpakaian sopan	152
Foto 3.14	Gambar muda-mudi	153
Foto 3.15	Gambar watak sami	153
Foto 4.1	Gambar pi dan pemipit	185
Foto 4.2	Gambar Gedumbak	189
Foto 4.3	Gambar Klong	191
Foto 4.4	Gambar Mong	192
Foto 4.5	Gambar Ching	194
Foto 4.6	Gambar Set Drum	198
Foto 4.7	Gambar Conga	199
Foto 4.8	Gitar utama	200

Foto 4.9	Gitar Bes	200
Foto 4.10	Kibod Elektrik	201
Foto 4.11	Gambar Maharisi	206
Foto 4.12	Gambar Phra Isuan	208
Foto 4.13	Gambar Phrai Na Bot	210
Foto 4.14	Gambar Pemberitahu Cerita	212
Foto 4.15	Gambar Raja dan Permaisuri	214
Foto 5.1	Nang Taew sedang berdoa dan memohon	264
Foto 5.2	Nang Taew sedang menyempurnakan	297
Foto 5.3	Segmen melepas niat Nang Rin	302
Foto 5.4	Nang Nuam menerima sirih pinang	303
Foto 5.5	Guri air dan tikar bantal	305
Foto 5.6	Sebahagian sajian di atas para khas	306
Foto 5.7	Bakul pengkeras yang berisi beras	307
Foto 5.8	Nang Nuam menyusun sajian	307
Foto 5.9	Tuan kerja memohon kepada	308
Foto 5.10	Nang Nuam memimpin sembahyang	309
Foto 5.11	Perantara sedang melupa	310
Foto 5.12	Perantara sedang dalam keadaan	311
Foto 5.13	Nang Nuam bersama tuan kerja	312

***NANG TALUNG DI KEDAH DAN PERLIS:***  
**SATU KAJIAN TERHADAP ASPEK PERSEMBAHAN**

**ABSTRAK**

Tujuan utama kajian ini ialah untuk mengkaji sejarah perkembangan Nang Talung yang terdapat di negeri Kedah dan Perlis. Seterusnya, kajian ini ingin menganalisis unsur-unsur yang diperlukan di dalam persembahannya merangkumi segala keperluan dan juga tujuan diadakan persembahan tersebut. Ketiganya, ialah untuk dibuat cadangan kaedah untuk langkah pemuliharaan seni persembahan ini kepada masyarakat. Metodologi yang digunakan di dalam kajian ini ialah melalui tiga kaedah, yakni pertamanya melalui kaedah kepustakaan bagi mendapatkan bahan-bahan rujukan yang bersesuaian dengan tajuk ini. Kaedah kedua ialah melalui temu bual dengan tokoh-tokoh seperti nai nang (dalang), informan dan orang perseorangan yang terlibat secara langsung dengan seni ini sama ada di negeri Kedah, Perlis ataupun di wilayah berhampiran sebagai rujukan tambahan. Kaedah terakhir yang agak signifikan ialah melalui kaedah pemerhatian dan partisipasi melalui penglibatan secara langsung pengkaji di dalam persembahan Nang Talung, kerana telah melibatkan diri di dalam seni ini sejak hampir dua dekad yang lalu. Hasil dapatan dari kajian ini telah mendapati bahawa kewujudan seni persembahan Nang Talung di negeri Kedah dan Perlis adalah hasil dari pengaruh dari Thailand selatan berdasarkan kepada kedudukan lokasinya yang bersempadan dan saling berkongsi bahasa, budaya dan agama yang sama. Tujuan diadakan persembahan Nang Talung ini lebih kepada upacara ritual iaitu untuk melepaskan niat berbanding dengan hiburan.

***NANG TALUNG IN KEDAH AND PERLIS:***  
**A STUDY ON PERFORMANCE ASPECT**

**ABSTRACT**

The main aims of this research is to study the historical development of Nang Talung in the state of Kedah and Perlis. Next, this research intends to analyses the performance elements involved, comprising of all the needs and the purpose for staging the performance. Thirdly, is to make a recommendation for method towards its preservation of these performance arts to the society. The method used in this research comprised of three methods, firstly through the library research for finding relevant reference materials to the title. Secondly, is through an interview with the prominent nai nang (puppeteers), informants and any individual directly related with the arts, whether in the state of Kedah, Perlis or the nearby provinces for an added reference. The third method of the research and considered a significant one is through observation participant's method by the researcher in the Nang Talung's performance, since directly involved in the arts for nearly two decades ago. The finding of the research had found that the Nang Talung's performances found in the state of Kedah and Perlis were an influence from the south of Thailand due to their proximity and shared the same language, culture and religion. The purpose of staging the Nang Talung's performance is more to a ritualistic purpose, that is for the vow fulfillment ceremony rather than for an entertainment.

# **BAB 1**

## **PENGENALAN**

### **1.1 Pengenalan Umum**

Wayang kulit atau di dalam bahasa Inggeris disebut sebagai *shadow play* ialah bermaksud langsung kepada permainan bayang-bayang. Justeru itu, dalam rujukan kita, wayang ini ialah seni persembahan tempatan yang menggunakan bayangan dari kulit sebagai media dalam penceritaannya. Wayang kulit merupakan persembahan yang berasaskan permainan bayang-bayang yang dihasilkan dari pancaran cahaya kepada figura kulit yang diukir mengikut kehendak cerita yang ingin disampaikan. Bayangan dari figura yang terhasil ini akan terhinggap ke atas kain putih yang direntang dan persembahannya dilengkapi dengan suara dalang bersertakan iringan ensemble muzik. Kemunculan seni persembahan wayang kulit ini merupakan satu cetus kebijakan orang-orang di zaman silam yang telah berjaya memperlihatkan tahap kreativiti mereka yang tinggi bagi memenuhi tuntutan hiburan dan juga ritual yang menunjang menjadi sebahagian dari rutin hidup masyarakat pada masa itu.

Wayang Kulit sebagai suatu bentuk seni persembahan berlandaskan kepandaian ciptaan manusia, telah tersebar luas ke merata lokasi melintasi benua di dunia. Sebagai seni yang berkaitan dengan tamadun manusia, maka tidak hairanlah ia amat sukar untuk dikenalpastikan akan tempat asal-usulnya seni genre ini (Ghouse :1992). Perbincangan demi perbincangan, tidak pernah menemui jalan penamat kepada polemik isu tersebut. Wayang kulit sudah mencapai tahap globalisasinya, iaitu terlebih awal dari internet lagi kerana ia boleh ditemui di merata tempat. Seni persembahan wayang kulit ini telah merebak ke negeri China dan India, di mana kedua-dua benua ini merupakan lokasi yang

telah mencatat rekod tamadun manusia yang terawal di rantau ini. Selain dari kedua-dua negara ini, seni ini juga boleh ditemui di tempat lain seperti di negara Jepun, Turki, Rusia mahupun Perancis.

Bagi negara-negara di rantau Asia Tenggara pula, ia boleh ditemui di negara-negara seperti di Indonesia, Malaysia, Thailand, Kemboja dan malahan Burma. Walau dari manapun asal atau punca bermulanya seni ini, secara umumnya apabila seni persembahan wayang kulit itu berkembang ke lokasi baru, ia pasti akan ditampilkan dengan ciri-ciri atau elemen ketempatanan di dalam persembahannya. Pertapakan itu akhirnya akan membina identitinya yang tersendiri dengan mengambil adunan ciri-ciri corak dan pengaruh budaya penduduk setempat yang menjadi pendokong kepada seni berkenaan. Pastinya, elemen-elemen yang terdapat di dalam persembahan wayang kulit seperti gambar atau figura watak cerita, bahasa dan muziknya tidak boleh lari dari asas budaya yang telah disebutkan tadi.

Seterusnya, pemantapan dan pematangan seni persembahan wayang kulit ini pasti wajib melalui proses peredaran masa yang panjang, maka akhirnya lahirlah genre nama-nama wayang kulit yang berbagai-bagai panggilan mengikut lokasinya, iaitu seperti contohnya, Wayang Kulit Purwa yang terdapat di Indonesia, Wayang Siam yang masyhur di Kelantan, Wayang Kulit Gedek yang terdapat di utara Malaysia, Wayang Melayu yang juga menapak di Kelantan, Wayang Kulit Purwa yang terdapat di Johor, *Nang Talung* yang bersemarak di Thailand Selatan, *Nang Yai* yang hampir lenyap di Thailand Tengah, *Nang Sbek* merupakan indentiti wayang kulit di Kemboja, *Karnataka* di India dan *Kharagoz* yang berada jauh di negara Turki.

## 1.2 Skop Kajian

Kajian ini memfokuskan kepada *Nang Talung* iaitu satu bentuk persembahan wayang kulit yang masih mendapat tempat di kalangan orang-orang Siam tempatan, terutamanya di negeri Kedah dan Perlis. Orang-orang Siam di sini adalah merujuk kepada warganegara Malaysia yang kebanyakannya beraktiviti di dalam kehidupan berlandaskan bercucuk tanam, sebagai sumber pendapatan mereka. Kedudukan geografi negeri-negeri utara semenanjung Malaysia ini yang bersempadan dengan Thailand menjadi faktor utama bagi memudahkan pertumbuhan seni persembahan wayang kulit genre ini ke sini. Tambahan lagi dengan elemen-elemen seperti bahasa, budaya, agama dan adat resam yang sama yang dikongsi oleh penduduk di kedua-dua belah sempadan.

Persembahan *Nang Talung* yang terdapat di negeri Kedah dan Perlis pada zahirnya mungkin nampak lebih kurang dan mungkin sama sahaja dalam banyak faktor, namun begitu terdapat perbezaan di dalam tatacara pengendalian persembahan masing-masing. Kajian ini tidak berhasrat untuk melihat perbezaannya, tetapi lebih bertujuan untuk memaparkan apa yang dilakukan di dalam persembahannya secara umum. Begitu juga halnya jika kita ingin merujuk kepada persembahan *Nang Talung* yang terdapat di Thailand selatan. Apapun, kajian ini ingin memfokuskan kepada persembahannya secara menyeluruh untuk mendapatkan gambaran yang lebih jelas. Ia merangkumi semua faktor yang menunjang persembahan *Nang Talung* yang akan diperincikan dengan sebaik mungkin. Penelitian ini perlu kerana dengan perubahan masa, sudah tentu terdapat banyak perubahan yang telah berlaku ke atasnya yang memerlukan penelitian khusus dan ilmiah.

Seterusnya, memandangkan peranan atau teraju utama seni persembahan wayang kulit yang dinamai *Nang Talung* tempatan ini iaitu *nai nang* yakni dalangnya yang

masih ada sudah semakin uzur dan sedang menempuh hari-hari akhir mereka, maka eloklah langkah-langkah sewajarnya dilakukan untuk mendokumentasikan seni warisan tersebut ke dalam bentuk ilmiah disandarkan kepada institusi pengajian tinggi untuk menjadi tatapan dan rujukan generasi akan datang. Selain dari itu, langkah-langkah untuk melestarikan seni ini mesti diambil supaya ia dapat kekal sejajar dengan keperluan seni budaya mengikut pada zamannya. Seandainya langkah-langkah konstruktif tidak diambil, sudah pasti suatu hari nanti tentu akan hilanglah sebuah bentuk persembahan tradisi rakyat yang agak signifikan kepada penduduk berketurunan Siam tempatan.

### **1.2.1 Lataran Sejarah**

Pengkaji telah lahir dan dibesarkan dalam sebuah kawasan perkampungan orang Siam di sebuah pedalaman yang bernama Kampung Lampam yang terletak dalam daerah Pendang, negeri Kedah dan berjarak lebih kurang 40 kilometer dari Bandaraya Alor Setar, Kedah. Sejak zaman kanak-kanak lagi sehinggalah ke zaman remaja, infrastruktur di kampung kediaman pengkaji amatlah terhad, maka pengkaji telah menjalani kehidupan yang tersangat daif dan jauh sekali dari segala arus kemajuan dan pemodenan. Dalam kehidupan seharian, pengkaji bertutur bahasa Siam sebagai bahasa utama, yakni bahasa ibunda, serta mengamalkan segala adat resam, berkepercayaan agama Buddha, cara hidup dan kebiasaannya mengikut cara-cara orang Siam tempatan. Di dalam kampung tersebut juga terdapat pusat agama untuk komuniti orang Siam yang dikenali sebagai *wat* yang bermaksud biara atau kuil. *Wat* di sini ialah tempat untuk penganut ugama Buddha dalam aliran Theravada melakukan atau menunaikan aktiviti keagamaan. Seperti yang sedia maklum, keseluruhan orang-orang Siam di Malaysia adalah penganut ugama Buddha, maka *wat* ialah pusat untuk aktiviti agama mereka. Di

sinilah, selain dari untuk berfungsi sebagai kediaman kepada para bhikhu atau sami, ia juga memainkan peranan sebagai medan aktiviti penduduk setempat samada dari segi keagamaan mahupun sosial. Saban tahun akan diadakan keramaian atau majlis-majlis untuk acara keagamaan dan penduduk dari kampong setempat atau berdekatan akan datang berkumpul. Peluang sebegini tidak akan dilepaskan untuk mereka datang berkunjung ke majlis tersebut. Pada setiap tahun pihak jawatankuasa *wat* akan menganjurkan perayaan tahunan secara besar-besaran. Ini, diantara lain bertujuan untuk mengumpulkan derma atau dana bagi menampung pembangunan infrastruktur *wat* atau lain-lain keperluan yang munasabah. Acara tahunan ini lazimnya akan dianjurkan ketika sudah selesai musim menuai, iaitu pada awal setiap tahun, sekitar bulan Januari hingga April. Pengisian untuk acara hiburan menjadi kemestian dan pada masa dulu-dulu persembahan *Menora* ataupun *Nang Talung* menjadi acatra wajib dan ia didatangkan khas dari Thailand selatan untuk sepanjang majlis tersebut berlangsung.

Seawal zaman kanak-kanak lagi, pengkaji telah terdedah dengan acara hiburan yang menjadi kegemaran masyarakat orang Siam pada ketika itu, yakni samada *Nang Talung* ataupun *Menora*. Kepada pengkaji, seandainya diberi pilihan, pengkaji lebih tertarik kepada persembahan *Nang Talung* jika dibandingkan dengan *Menora* kerana perasaan amat terpegun dengan kemampuan seorang teraju persembahan iaitu tok dalang atau dalam bahasa Siamnya disebut sebagai *nai nang*, kerana dengan berseorang diri dia dapat memainkan peranan yang sempurna serta unik dengan pelbagai peranan watak cerita untuk semalaman, dari awal malam sehinggalah ke subuh pagi. Di dalam persembahannya sering dipelbagai dan diadun dengan aneka rasa ataupun emosi dramatik. Bersesuaian juga dengan dengan zamannya, kerana aspek hiburan sememangnya terhad dan amatlah sukar untuk didapati pada masa itu. Media hiburan

lain yang termampupun hanyalah radio sahaja. Jauh sekali untuk menonton televisyen kerana elektrik belum sampai ke kampung dan kawasan sekitarnya. Pada masa dahulu, aktiviti tahunan yang dianjurkan oleh pihak *wat* merupakan acara yang sentiasa ditunggu-tunggu oleh setiap penduduk kampung untuk menikmati hiburan.

Kumpulan *Nang Talung* yang didatangkan untuk mengisi acara tersebut lazimnya tergolong dalam kategori yang sudah popular di Thailand selatan. Kemasukan kumpulan *Nang Talung* pada masa itu masih mudah dari segi urusan di sempadan Malaysia dan Thailand, sama ada dari urusan imigresyen mahupun kastamnya. Kini, urusannya semakin rumit. Pengunjung yang datang ke acara tahunan *wat* ini pula tidak dikenakan sebarang bayaran masuk. Semuanya percuma termasuk juga makan dan minumannya yang akan disediakan oleh pihak penganjur. Bagi mereka yang mampu mungkin berhajat menderma mengikut kemampuannya dan ia bukanlah sesuatu paksaan.

Sesuai dengan kehidupan pada zaman itu, penduduk kampung tidak terikat dengan komitmen hidup yang lain, jadi aktiviti penontonan *Nang Talung* mengambil masa untuk semalaman. Lazimnya, perayaan tahunan ini akan berlangsung tidak kurang dari tiga malam berturut-turut. Sudah menjadi perkara lumrah apabila setiap kali diadakan acara tahunan ini, pengkaji dan kawan-kawan yang berminat dengan *Nang Talung* akan terlena tidor di depan panggung sampai terjaga di esok pagi ketika asyik menonton persembahan.

Dipendekkan cerita, diringkaskan bicara, apabila pengkaji mencapai umur awal remaja ketika di zaman persekolahan menengah rendah lagi, pengkaji telah berpeluang dan berjinak-jinak untuk mencuba membuat alat muzik sendiri seperti alat *saw duang* (yang menyerupai alat *Er-Hu*, sejenis alat muzik klasik China) atas desakan minat dan pengaruh dari penontonan *Nang Talung* tersebut tadi. Pengkaji dan rakan-rakan sering

meniru-niru persembahan *Nang Talung* dan mengambil daun kemboja yang merupakan bahan yang mudah diperolehi untuk diukir-ukir bagi menyerupai figura *Nang Talung*. Di antara figura-figura yang paling menarik dan mendapat perhatian yang mendalam pengkaji dan rakan-rakan ialah watak-watak lawaknya.

Akhirnya, berkat ketekunan dan usaha sendiri tanpa berguru dengan sesiapa, sehingga kepada satu ketika, pengkaji sudah mampu bermain alat muzik untuk mengiringi persembahan *Nang Talung* tempatan dengan bermain ”*saw duang*” dan ”*saw oo*” untuk mengiringi persembahan dalang-dalang atau *nai nang* setempat seperti *Nang Cheh Sor Chian*, *Nang Nuam a/l Ee Oon* dari Kampung Tok Set, Sungai Tiang Kedah; dan *Nang Chamdong WangKheng* (mendiang) dari Kampung Lampam, Pendang, Kedah. Pernah ada suatu ketikanya apabila pihak *wat* tidak sempat menjemput kumpulan *Nang Talung* dari Thailand selatan, maka kumpulan pengkaji dan rakan-rakan telah dijemput dan diberi peluang untuk mengisi acara hiburan di *wat-wat* berdekatan.

Itulah detik-detik yang teramat nostalgia dalam hidup pengkaji kerana telah mendapat pendedahan sebagai pemuzik iringan kepada kumpulan *Nang Talung* setempat berkat usaha sendiri melalui kaedah peniruan atau latih pandang. Bayaran saguhatinya tidak perlu disebut, kerana itu bukan suatu masalah utama dan seingat pengkaji, bayaran yang pernah diterima ialah dalam sekitar RM3.00 – RM5.00 untuk semalaman persembahan. Begitupun, pengkaji sudah berasa tersangat gembira dan berpuas hati dengan kemampuan serta pencapaian diri kerana itu ialah aktiviti yang boleh mengekspresi seni dari dalam diri.

Sebagai kenyataan, walaupun pengkaji sudah berpeluang untuk mengiringi persembahan *Nang Talung*, namun *repertoire* lagu-lagu iringan yang termampu dimainkan adalah terhad dan mungkin ia hanya seperti lepas tangan sahaja dan tidak ada

keseriusan untuk menghafal lagu-lagu tambahan seperti lagu-lagu asalnya seperti yang dimainkan oleh kumpulan dari Thailand selatan. Ini mungkin kerana tidak ada alat perakam untuk merakam dan mendengar kembali serta meniru atau mengajuk kembali ketika berlatih lagu-lagu berkenaan. Permainan muzik iringan *Nang Talung* oleh pengkaji pada masa itu tidak berstruktur langsung dan ia dimainkan hanya berdasarkan kepada ingatan yang bebas semata-mata. Apapun, kepada pengkaji, hasrat utama pada ketika itu hanyalah untuk mengecapi satu tahap kepuasan katarsis seni semata-mata apabila berpeluang terlibat dan membuat persembahan *Nang Talung* sebenar. Pengalaman ini amat berharga kerana dengan kejayaan ini, pengkaji telah berpeluang untuk membuat persembahan *Nang Talung* yang telah menjadi hajat dan hasrat serta impian pengkaji selama ini.

Tamat sahaja persekolahan menengah rendah di kampung, pengkaji terpaksa menyambung pelajaran di bandar Alor Setar dan sejurus tamat pengajian tingkatan enam, pengkaji telah memasuki alam pekerjaan dalam sektor awam. Minat dan segala runtunan naluri terhadap persembahan serta muzik *Nang Talung* terpaksa dipendam dan dilupakan buat seketika. Hasrat hati terpaksa ditangguhkan sementara dan apa yang termampu hanyalah sekadar boleh pergi menonton persembahan *Nang Talung*, itupun jika ada kesempatan atau masa mengizinkan. Ternyata, peluangnya tersangat terhad kerana kesuntukan masa apabila pengkaji perlu bersedia demi untuk memenuhi tuntutan pekerjaan pada setiap awal pagi. Aktiviti penontonan *Nang Talung* yang melewati waktu tidur sudah tentu akan mengganggu fokus kerja keesokan harinya kerana mengantuk.

Pengalaman seni pengkaji telah sampai ke suatu titik penting apabila suatu ketika pada tahun 1992, sebuah kumpulan *Nang Talung* yang masih "junior" dan barupun dibentuk, tetapi ternyata berpotensi besar, telah dijemput untuk mengisi acara

persembahan bersempena dengan majlis ordinasi sami baharu di *Wat* Kampung Lampam, tempat kelahiran pengkaji. Kumpulan yang dimaksudkan itu ialah kumpulan *Nang Taew Sor Nakharin* yang merupakan seorang dalang atau *nai nang* baharu dan muda dari wilayah Songkhla, Thailand. *Nai nang* ini pernah berkhidmat sebagai seorang anggota tentera laut Thailand. Dalam kesempatan inilah pengkaji telah mengambil peluang untuk berkenalan dengan terajunya iaitu *nai nang* serta dengan ahli-ahli muziknya. Persembahan mereka yang telah berlangsung selama dua malam itu sangatlah menarik minat pengkaji. Selama ini pengkaji belum pernah melihat atau menikmati sebuah persembahan *Nang Talung* yang mantap dari segi pendalangan mahupun iringan muziknya. Semuanya disaji dengan sempurna, bermula dari ahli muzik sehinggalah kepada *nai nang*nya yang telah mempamirkan suatu kerjasama yang jitu dan saling memahami fungsi dan peranan masing-masing. Pada malam keduanya, *nai nang* telah menjemput pengkaji untuk bersama-sama mengiringi persembahannya dengan bermain kibod sehingga tamat persembahannya. Dengan berbekalkan sebuah kibod yang dipinjam dari seorang teman dari kampung berdekatan, pengkaji telah berpeluang untuk mengiringi persembahan *Nang Talung* yang "proper" untuk julung-julung kalinya dalam hidup. Pengkaji dapat merasakan telah mencapai tahap *endorphine* atau kepuasan diri di tahap maksima setelah selesai persembahan pada malam tersebut. Pengalaman ini merupakan peluang keemasan dan telah menyemarakkan minat pengkaji untuk terus menghafal lagu-lagu iringan persembahan *Nang Talung* seperti yang dimainkan oleh kumpulan ini sehingga mahir selepas itu. Peluang ini merupakan satu pendedahan amat berharga kepada diri pengkaji. Di sinilah juga, pengkaji menyedari bahawa minat yang dipendamkan selama ini kerana dipaksakan oleh tuntutan kerja rutin telah menjelma

kembali dan ia telah dapat diisi oleh satu ruang kemampuan seni yang bernilai kerana sibuk serta terikat dengan tuntutan urusan rasmi.

Sejurus kemudian, seorang seniman desa dari Kampung Naka, Padang Terap, Kedah yang bernama Din Chan Kaew telah mengajak pengkaji bermain kibod bersama-samanya bagi mengiringi persembahan *Menora*. Beliau merupakan seorang peniup *pi* dan sering mendapat jemputan untuk acara-acara di lokasi yang berdekatan. Beliau juga ialah seorang peniup serunai yang atau "*pi*" yang agak berkebolehan di sebelah sini. Pengkaji telah berperanan sebagai pemain alat muzik kibod bergabung dengan tiupan *pi* beliau. Hasil alunan melodi gabungan di antara "*pi*" dengan kibod ini ternyata telah menambahkan lagi kualiti dan tekstur bunyi. Pengkaji sering mengikuti beliau untuk mengadakan persembahan ke merata tempat di negeri Kedah dan Pulau Pinang, seandainya ada kelapangan atau tidak terikat dengan apa-apa urusan rasmi kerja. Tidak lama selepas itu pengkaji pun beralih perhatian dan fokus dari mengiringi persembahan *Menora* kepada persembahan *Nang Talung* yang menjadi minat utama selama ini. Semangat untuk membuat persembahan bersama yang timbul di antara pengkaji dengan Din Chan Kaew pada asasnya adalah berpunca dari pengaruh penontonan persembahan *Nang Talung* kumpulan *Nang Taew* yang disebutkan sebelum ini. Kemudian, kumpulan *Nang Talung* yang sama ini telah dijemput datang untuk membuat persembahan dalam acara tahunan di Wat Naka pada tahun 1998 pula, dan pengkaji tidak melepaskan peluang untuk pergi menonton dan merakam lagu-lagu iringan yang dimainkan.

Dilanjutkan cerita, detik yang boleh dianggap penting dalam arena permainan muzik iringan *Nang Talung* ialah bermula dari tahun 1999 sehinggalah ke saat ini. Pengkaji senantiasa, sedaya upaya akan berusaha untuk pergi mengiringi persembahan

*Nang Talung* ke merata ceruk rantau di negeri Kedah, Perlis, Pulau Pinang dan malah pernah sampai ke negeri Perak, bagi memenuhi jemputan bersama rakan-rakan sepermainan. Pengkaji secara ikhlasnya tidak pernah meminta jumlah yang bukan-bukan sebagai ganjaran. Selama penglibatan ini, jauh sekali dari memikirkan imbuhan ataupun upah, tidak kira samada jaraknya jauh mahupun dekat. Pengkaji akan cuba memenuhi hajat tuan kerja setakat mana yang mampu ditunaikan dengan perasaan tulus ikhlas. Maklumat tentang aktiviti iringan persembahan *Nang Talung* ini sepertilah yang tercatat dalam lampiran Rekod Persembahan *Nang Talung* yang dilampirkan setakat mana tesis ini ditulis, pengkaji telah berjaya mengumpul dan melibatkan diri dalam persembahan sejumlah 173 malam persembahan.

*Repertoire* wajib terdiri dari lagu-lagu yang dimainkan oleh kumpulan *Nang Talung* khususnya di wilayah Songkhla telah diamati, diteliti, ditulis dan dihafal sehingga mahir oleh pengkaji dan telah diterima baik oleh tuan-tuan kerja yang sering mendapat khidmat pengkaji dan rakan-rakan untuk jemputan mereka. Dalam iringan muzik *Nang Talung*, alat "*pi*" dengan bantuan alat kibod berperanan sebagai teraju utama selaku penyaji melodi dengan dibantu oleh alat-alat perkusi lain. Pengkaji pada mulanya telah berganding dengan peniup "*pi*" iaitu Din Chan Kaew, kemudiannya dengan Nai Shawat dan terkini dengan Nai Somwang pula. Selain dari itu, pengkaji juga telah pernah beberapa kali berpeluang berganding dengan peniup "*pi*" dari wilayah Songkhla yang bernama Nai Koy yang meniup ala gaya seorang guru "*pi*" tersohor dari wilayah Phatthalung.

Dalam persembahan *Nang Talung* ini, selain dari apa yang telah disebutkan di atas tadi, pengkaji juga telah beberapa kali berpeluang untuk mengiringi persembahan untuk *nai nang* atau dalang *Nang Talung* yang didatangkan khas dari Thailand selatan,

selain pengalaman pertama yang telah dinyatakan sebelum ini, iaitu pada tahun 1992. Mereka yang dimaksudkan itu terdiri dari *nai nang* sepertilah *Nang Naeb Sor Nakharin* dari wilayah Songkhla, *Nang Sawai Sor Siangthong* dari wilayah Phatthalung, *Nang Prisha Sor Sengthong* dari wilayah Trang dan *Nang Rat* dari wilayah Nakhon Si Thammarat.

Terkini, sejak tahun 2014, pengkaji telah berpeluang untuk mengiringi persembahan seorang *nai nang* yang bernama *Nang Khlaew Shokphong* dari wilayah Songkhla yang dijemput khas oleh *Nang Rin Phetprasit* dari Kampung Behor Gelam (orang-orang Siam memanggilnya Bankhok), Perlis bagi membantunya kerana beliau sering keuzuran.

### **1.2.2 Pernyataan Masalah**

Terkini, dalam era dunia tanpa sempadan ini yang juga dikenali sebagai zaman globalisasi, yakni manusia harus berdepan dengan cara hidup di alaf ke 21 yang semakin mencabar dengan segala kemajuan yang mudah tersebar secara bebas dan meluas. Maka, dengan sebab itu perubahan selera masyarakat terhadap persembahan *Nang Talung* juga semakin berkurangan kerana desakan semasa yang terpaksa berhempas pulas dengan survival hidup seharian. Masyarakat juga terpaksa meringkaskan aktiviti senggang mereka dan harus menumpukan banyak masa kepada aktiviti berkaitan mata pencarian untuk melancarkan kehidupan seharian. Ini ditambah pula dengan sajian hiburan terkini yang mudah diperolehi melalui internet dan media lain dengan hanya di hujung jari. Kecenderungan masyarakat pada masa ini kepada jenis dan bentuk hiburan juga telah berubah mengikut keperluan dan kemudahan semasa.

Jadi, dari aspek estetika seninya yang merangkumi citarasa masyarakat telah sama-sama berubah mengikut zamannya. Didikan atau pengaruh alam sekeliling daripada masyarakat serta sistemnya telah mencorak selera seni untuk generasi masa kini. Dengan itu tidak menghairankanlah apabila masyarakat semakin dingin terhadap persembahan tradisi seperti *Nang Talung* ini. Hakikatnya, zaman telah berubah dan sudah tentu selera manusia juga turut berubah.

Melihat kepada seni persembahan tradisional ini, khususnya seni persembahan *Nang Talung* yang terdapat sama ada di negeri Kedah ataupun Perlis sedang menghadapi zaman kegentingan. Ini kerana teraju kumpulan masing-masing iaitu dalang ataupun *nai nang* serta ahli-ahlinya yang masih bertahan akan pergi meninggalkan seni ini buat selama-lamanya apabila ajal sudah tiba. Tidak ada sesiapa pun yang boleh menujum tentang berapa lama lagikah mereka itu mampu untuk meneruskan seni ini disamping dapat menabur jasa bakti kepada seni tradisi ini sebagai khazanah negara. Generasi pada masa kini tidak lagi didedahkan atau dipupuk dengan seni ini seperti rutinnya yang pernah dilalui oleh pengkaji, maka adalah lebih logikanya untuk kita tidak menyalahkan mereka di atas sambutan yang dingin yang lantas akan membawa kepada ketandusan pewaris dalam seni berkenaan. Sistem kehidupan masyarakat pada masa ini yang terpaksa menitikberatkan kelangsungan hidup seharian menyebabkan masa depan seni persembahan genre seperti ini menjadi persoalan dan tanda tanya yang besar. Ketandusan penggiat seni persembahan *Nang Talung* ini untuk keperluan masa depan sebenarnya amat membimbangkan kerana sehingga ke saat tesis ini ditulis, belum lagi kelihatan semangat-semangat baharu yang muncul membenih untuk melanjutkan usia seni ini, tidak kira sama ada dalam aspek mendalang ataupun bermain alat muzik.

Dengan itu, masa depan seni ini sudah tentu agak tidak memberangsangkan kepada masyarakat seluruhnya serta pencinta seni ini khususnya dan juga kepada negara amnya.

### **1.2.2(a) Masalah Kepupusan *Nang Talung***

Perkataan "pupus" sering kita dengar dan sentiasa diperkatakan oleh ahli ilmiah, budayawan atau sesiapa sahaja apabila kita berbicara tentang seni persembahan lama, yakni persembahan tradisional yang menjadi warisan budaya bangsa. Segenap pemerhati seni sama ada daripada peminatnya sendiri sehinggalah kepada para sarjana seni persembahan akan menyatakan sedemikian. Pernyataan yang lazim ditemui ialah bahawa di antara lain tentang seni persembahan tradisional genre mana sekalipun sedang menanti ambang kepupusan dengan menyenaraikan faktor-faktor penyebab iaitu di antara lainnya ialah ketiadaan pewaris, sebagai sebab utamanya. Kajian yang dilakukan oleh seorang tokoh akademik yang tidak asing lagi dengan wayang kulit di rantau ini; sarjana Amin Sweeney; iaitu beliau ialah seorang pengkaji berketurunan Irish, bahawa pada tahun 1972 di negeri Kelantan pernah mencatatkan jumlah seramai 300 orang dalang. Ini ialah satu jumlah yang boleh dibanggakan dari segi kuantitinya. Akan tetapi, sayangnya pada tahun 2001, apabila Ismail selaku Pengarah Kebudayaan Negeri Kelantan telah melaporkan di dalam Seminar Wayang Nusantara yang berlangsung di Balai Seni Lukis Negara ; bahawa jumlah dalang yang masih ada di sana pada masa itu hanya di sekitar 11 orang sahaja berdasarkan bancian pada tahun 1999. Angka ini ialah berdasarkan rekod di jabatannya. Berdasarkan jumlah tersebut tadi, sudah tentu sesuatu yang amat musykil telah berlaku jika dibandingkan dari jumlah 25 orang yang dicatat pada tahun 1988 dan 37 pada tahun 1982 (Ismail, 2001). Jelas ini merupakan satu rekod yang ketara untuk memperlihatkan kepada kita dari segi penurunan jumlah penggiatnya.

Ternyata bahawa, impian kita supaya seni ini semakin subur menyemarak, tetapi sayangnya, ia telah berlaku di sebaliknya. Gambaran tersebut hanya merujuk kepada negeri Kelantan yang merupakan lubuk kepada seni persembahan tradisi yang termasyhur iaitu Wayang Kulit Kelantannya. Mari dilihat kepada negeri kedua pula, iaitu di negeri Kedah sendiri yang terkenal dengan Wayang Kulit Seri Asunnya suatu masa dahulu, juga tidak kurang meruncing halnya. Apa tidaknya, selepas pemergian dalang Pak Noh yang merupakan seorang Tokoh Budaya Negeri Kedah bagi tahun 1991 yang dikenali ramai, kemudian tempat itu telah digantikan oleh anak beliau yang bernama Pak Majid. Kini Pak Majid sendiripun sudah meninggal dunia baru-baru ini, dan apa yang pastinya belum ada lagi sesiapa yang boleh menjadi penggantinya bagi meneruskan tradisi dan legasi gemilang kumpulan Wayang Kulit Seri Asun. Salah seorang daripada anak Pak Majid yang agak berpotensi dan yang diharap-harapkan boleh menggantinya juga telah meninggal dunia lebih awal dari arwah Pak Majid sendiri kerana kemalangan. Ini merupakan satu peristiwa penting yang telah menimpa tradisi Wayang Kulit Gedek Seri Asun yang menjadi kebanggaan negeri Kedah buat beberapa ketika.

Sebuah kumpulan wayang kulit gedek lagi, iaitu kumpulan Pak Lah Pokok Machang, Kuala Nerang yang kini sudahpun ada penggantinya. Salah seorang daripada anak beliau telah mula bergiat menggantikannya setelah Pak Lah meninggal dunia beberapa tahun yang lalu. Kumpulan wayang kulit ini telah diberi nama Kumpulan Wayang Kulit Seri Nerang dan telah berjaya membuat persembahan di merata tempat di negeri ini. Mereka juga pernah pergi menempah figura wayang kulit baharu di Thailand dengan tukang pahat gambar kulit *Nang Talung* yang bermastautin di Banphruk (Kitti :

2014). Itu ialah fenomena wayang kulit yang berlaku di dalam masyarakat Melayu di negeri Kedah yang sememangnya sudah ketandusan dalang wayang kulit gedeknya.

Melihat di kalangan masyarakat orang Siam tempatan pula, dalang atau *nai nang* yang sedia adapun sudah mencapai era keuzuran. Kumpulan *Nang Rin* di Behor Mali (Bankhok), Perlis dan Kumpulan *Nang Nuam* di Pendang, Kedah sudah berumur di era 60an dan kedua-dua mereka belum lagi ada pengganti masing-masing. Kedua-dua dalang ini sering dijemput untuk menunaikan persembahan untuk upacara ritual terutamanya bagi tujuan melepas niat atau membayar nazar oleh masyarakat Siam setempat.

Dengan itu, pengkaji merasakan apa jua kajian yang mengkhusus kepada mana-mana genre persembahan wayang kulit di negara ini wajib dijalankan dengan menitikberatkan kepada kumpulan yang masih berjaya mengadakan persembahan mereka. Ini bukan apa, demi untuk keberlangsungan hayat seni persembahan ini dan mereka-mereka yang masih mampu untuk menongkah arus zaman dengan segala macam perubahan cita rasa hiburan yang mendadak dan berbagai pada masa ini. Dengan sebab itulah genre wayang kulit yang paling dekat dengan pengkaji ialah *Nang Talung* telah diambil sebagai penelitian. Ini tambahan lagi dengan keterlibatan pengkaji secara langsung di dalam seni ini buat sekian lamanya. Ketika berlangsungnya Seminar Wayang Nusantara anjuran Akademi Seni Kebangsaan di Balai Seni Lukis Negara pada tahun 2001, terdapat para pemakalah yang berpendapat bahawa kajian-kajian tentang wayang kulit tempatan sememangnya amat terbatas (Nik Mustapha, 2001).

Dalam zaman dan era globalisasi kini, ketika semua warga dunia menginginkan sesuatu yang baharu yang canggih dan berteknologi tinggi, dan masih adakah sesiapa yang sanggup menoleh ke belakang untuk melihat dan merenung untuk menghayati serta

menghormati apa-apa khazanah persembahan tradisi kepunyaan bangsanya sendiri yang amat bernilai itu? Apa yang pasti ialah hanya mereka-mereka yang tahu dan mengerti serta boleh menilai betapa tingginya harga seni warisan nenek moyang berkenaan sahaja yang akan dapat meletakkan tanda harga yang tinggi dan setimpal terhadap seni tersebut di tahap yang sewajarnya. Dalam pada itu juga, terdapat para cerdik pandai dan cendekiawan tempatan yang hanya menanti kedatangan orang dari seberang dunia sebelah sana untuk datang mengorek khazanah bangsa kita dan kemudian mereka akan memberitahu kita betapa kayanya kita dengan memiliki kekayaan warisan budaya nenek moyang, sedangkan kita sendiri tidak tahu berbuat apa-apa dan hanya berpeluk tubuh dan langsung tidak tahu menilai khazanahnya sendiri.

### **1.2.2(b) Masalah Kekurangan bahan bacaan dalam Bahasa Melayu**

Kajian tentang wayang kulit khususnya di dalam genre *Nang Talung* ini memang amat terbatas, malah sememangnya belum adapun bahannya di dalam Bahasa Melayu. Kalau adapun, kajian-kajian sebelum ini, ia lebih kepada cakupan yang masih dalam persoalan-persoalan yang asas dan boleh dianggap masih berada di atas permukaan. Ini, tambahan pula minat para pengkaji terhadap wayang kulit genre ini boleh dikatakan begitu terhad ataupun malah tiada dan amat sepi halnya.

Hasil dari tinjauan awal, memang masih tiada bahan rujukan yang mengkhusus kepada *Nang Talung* dalam Bahasa Melayu dan apa yang tersedia ada hanyalah memaparkan perkara-perkara ringan, seperti yang telah dinyatakan tadi. Kerumitan ini tidak ada jalan penyelesaiannya melainkan dengan cara menghubungi sumber asas persembahan ini, iaitu sumber manusianya yang terdiri dari para dalang atau *nai nang*nya sendiri sebagai tonggak persembahan, ahli-ahli kumpulan atau pihak lain-lain

yang berkait rapat dengan seni ini untuk tujuan mengadakan temu bual bagi mendapatkan maklumat *primer* dari mereka. Inilah hasrat utama pengkaji di dalam membuat kajian ini, di antara lain ialah untuk menambahkan ilmu pengetahuan berkaitan dengan *Nang Talung* sebagai sebuah khazanah seni warisan bangsa yang semakin hari semakin dilupakan.

Hasil dari tinjauan yang dilakukan, adalah tidak keterlaluan untuk mengatakan bahawa wayang kulit amnya dan *Nang Talung* khususnya adalah salah satu bentuk seni persembahan tradisional yang amat berharga dan ia secara tidak langsung melambangkan tahap kemajuan seni budaya masyarakat terdahulu yang dipusakai sejak zaman berzaman. Sebagai khazanah seni persembahan yang tidak ternilai harganya, maka sepatutnyalah ia dikaji, dipelihara, dipupuk, dipelihara dan dilestarikan tradisinya supaya ia boleh terus berdiri sebagai sebuah khazanah bangsa. Selain dari itu, generasi akan datang nanti akan dapat mengambil contoh atau membuat rujukan seandainya terdapat apa-apa yang relevan supaya wayang kulit di negara kita sendiri akan terus kekal menunjang zaman dan dapat ditatap sepanjang masa. Harapan kita ialah sekiranya boleh segala bentuk seni persembahan tradisional yang terdapat di negara ini akan dapat bertahan sampai bila-bila walau hingga ke akhir zaman.

Diambilkan satu contoh yang sangat jelas, apa yang telah menimpa nasib Makyung di negeri Kedah sedikit masa dahulu sebenarnya boleh diambil iktibar dan teladan oleh kita kerana seni persembahan warisan genre tersebut telah hilang dan pupus dari khazanah warisan bangsa tanpa sebarang catatan dokumentasi. Siapa yang harus dipersalahkan? Kita semua harus bertanggungjawab di atas kealpaan yang telah berlaku ini. Adakah kita semua rela dan mahu melihat seni persembahan tradisi kita yang lain juga akan mengalami nasib yang sama seperti mana nasib yang telah menimpa

Makyung Kedah itu tadi? Masa akan menentukan segala-galanya, walaupun kita mempunyai program pemuliharaan dan pemulihan yang jelas di atas kertas, namun pelaksanaannya telah menjadi semakin meragukan.

### **1.2.2(c) Mendokumentasikan Aspek Persembahan *Nang Talung***

Persembahan wayang kulit genre ini mempunyai tatacaranya yang tersendiri. Sebelum persembahan diadakan, terdapat amalan-amalan yang dipraktikkan oleh masyarakat pendokong serta ketua kumpulannya sendiri. Ketika persembahan ingin dilangsungkan, terdapat amalan-amalan khusus yang telah diperturunkan sejak turun temurun. Selain dari itu, cara dan teknik penceritaan *nai nang*, jarak masa untuk persembahan dan aspek ritualnya dilaksanakan dengan penuh patuh dan setia. Elemen muzik iringan ialah pelengkap persembahan *Nang Talung* yang merangkumi pelbagai jenis peralatan muzik serta pelbagai jenis *repertoire* melodi lagu yang dialunkan bagi melengkapi persembahannya.

Dalam apa-apa jua persembahan tradisi, perubahan akan berlaku dalam segenap aspek kehidupan manusia. Manusia sebagai penghuni alam, sudah pasti tidak boleh lari dari hakikat bahawa mereka juga harus berubah mengikut peredaran zaman. Justeru itu, apa yang boleh diringkaskan, akan diringkaskan, namun begitu untuk persembahan *Nang Talung* yang terdapat di negeri Kedah dan Perlis, ini masih boleh berdiri sendiri dengan identitinya walaupun telah berlaku perubahan mengikut tuntutan masa, di tempat-tempat lain. Jadi, pengejalan yang harus dipelihara meliputi elemen-elemen pemujaan kerana tujuan utama persembahan *Nang Talung* ritual ialah untuk menyajikan kepada semangat nenek moyang dengan segala penghormatan yang sepatutnya. Pengejalan itu wajib kerana tujuan diadakan persembahan oleh tuan kerja ialah demi

untuk melepaskan niat yang telah dihajatkan. Seandainya mana-mana elemen pemujaan itu diubahsuai secara sengaja atau tidak sengaja, pasti ini boleh melunturkan semangat dan hati tuan kerja yang menjadi penganjur. Tidaklah menghairankan jika ada ketikanya setelah tuan kerja sudah berhabisan tenaga, masa dan wang akan tetapi niat asalnya tidak juga putus-putus setelah persembahan sudah selesai kerana semangat nenek moyang dikatakan kononnya telah tidak berpuas hati dengan cara persembahan diadakan. Ini mungkin kerana terdapat kecacatan di mana-mana bahagian ketika upacara tersebut dilangsungkan. Pendek kata, ini seolah-olah segala usaha yang telah dicurahkan itu seperti sia-sia belaka kerana tuan kerja harus mengadakan persembahan itu semula dan melibatkan kos, masa serta tenaga yang bukan sedikit jumlahnya.

Kesinambungan warisan budaya orang-orang Siam terus dipelihara dengan bersandarkan kepada pegangan falsafah hidup yang menjadi amalan utama mereka dan mesti dihormati ialah hormat kepada kedua-dua orang ibu-bapa. Kemudiannya, ialah guru yang juga wajib dihormati oleh setiap insan yang bernama manusia. Nilai didikan warisan nenek moyang ini telah meresapi ke dalam setiap jiwa ahli masyarakat dan dipraktikkan sebagai rutin hidup. Jika kita melihat kepada nilai budaya ini yang menjadi tonggak di dalam kehidupan mereka, maka di dalam seni persembahan tradisi seperti *Nang Talung* sendiri telah berlaku pengintegrasian yang sehati dengan elemen penghormatan ini. Ia telah menjadi amalan lazim kerana seandainya seseorang itu mengingkari pesanan dari nenek moyang, maka ia pasti dicap sebagai menderhaka kepada keturunannya. Sebagai balasan, dia akan disisih daripada masyarakat kerana tidak memiliki nilai-nilai terpuji seperti seorang manusia sejati kerana sedangkan haiwanpun tahu mengenang budi tuannya.

### **1.2.3 Objektif Kajian**

Kajian ini bertujuan untuk:

- i. Mengkaji dan menganalisis sejarah perkembangan seni persembahan tradisi *Nang Talung* yang terdapat di negeri Kedah dan Perlis;
- ii. Memerihal serta menganalisis unsur-unsur seperti keperluan dan tujuan di adakan persembahan tersebut; dan
- iii. Membuat cadangan kepada institusi yang relevan tentang pengwujudan sukatan pelajaran untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran dalam seni persembahan *Nang Talung*.

### **1.2.4 Persoalan Kajian**

- i. Bagaimanakah seni persembahan *Nang Talung* ini boleh bertapak di negeri Kedah dan Perlis?
- ii. Apakah keperluan asas dan tujuan diadakan persembahan *Nang Talung* ?
- iii. Terdapatkah sistem pengajaran dan pembelajaran seni persembahan *Nang Talung* di institusi pendidikan negara sama ada dari peringkat rendah, menengah atau universiti?

### **1.2.5 Fokus Kajian**

Kajian yang dijalankan ini terbatas kepada lokasi di negeri Kedah dan Perlis sahaja. Segala dapatan serta informasi yang diperolehi hanyalah merujuk kepada kegiatan *Nang Talung* yang terdapat di negeri tersebut dan ini tidak boleh digeneralisasikan kepada tempat lain. Seandainya informasi tambahan diperlukan bagi tujuan menjelaskan lagi sebarang kekaburan, pengkaji perlulah merujuk kepada sumber-

sumber dari wilayah Songkhla, Thailand kerana itulah lokasi yang paling dekat untuk dikunjungi oleh pengkaji. Tambahan pula, di wilayah tersebut telah dinobatkan empat orang dalang atau *nai nang Nang Talungnya* sebagai Seniman Negara dalam bidang persembahan ini. Anugerah ini ialah penghormatan tertinggi yang diiktirafkan oleh Kerajaan Thailand kepada seniman rakyat dalam genre persembahan *Nang Talung* secara khusus. Pencapaian ini dengan sendirinya ialah bukti dan testimoni kukuh terhadap kemampuan dalang atau *nai nang Nang Talungnya* sehingga mereka berjaya mencapai tahap pengiktirafan unggul bertaraf nasional. Pengkaji telah difahamkan bahawa, kriteria pemilihan anugerah berprestij Seniman Negara Thailand dalam genre persembahan *Nang Talung* ini telah ditetapkan dan ditandaaras mengikut spesifikasi persembahan *Nang Talung* dari wilayah tersebut oleh pihak urusetia pengelola pemilihan di peringkat pusat.

Keduanya, kajian ini juga akan memperincikan persembahan *Nang Talung* yang merupakan sejenis persembahan wayang kulit yang popular di Thailand selatan dari aspek persembahan meliputi penceritaan, muzik, ritual serta mana-mana amalan tambahan lain yang berkaitan. Penyebaran seni persembahan ini ke negeri Kedah dan Perlis merupakan satu pengaruh budaya yang berlaku secara langsung dan ia telah berlaku sejak zaman berzaman yang lampau dan ia sukar untuk dinyatakan dengan konkrit berdasarkan kedudukannya yang berjiran. Malahan, negeri Kedah dan Perlis pernah menjadi naungan Kerajaan Siam/Thai sejak tahun 1821 sehingga 1909 dan kemudiannya, sejenak pula semasa Perang Dunia Kedua.

Dengan itu, segala perbincangan dari pembentangan pengkaji yang dipapar di sini lebih berfokuskan kepada keperluan seni persembahan tersebut kepada masyarakat pendokongnya yang merangkumi segala aspek ritual, hiburan dan mahupun komersial.

### 1.2.6 Kepentingan dan Sumbangan Kajian

Segala dapatan dari kajian ini akan membantu dalam usaha kita mendapat penjelasan bagi fakta-fakta yang berkaitan persembahan wayang kulit genre ini, khususnya dan seni persembahan tradisi, amnya. Khazanah yang dimiliki oleh negara ini dapat diselongkari supaya generasi kita akan lebih arif dengan segala apa jua bentuk dan prosedur kerja yang diamalkan oleh pendokong persembahan *Nang Talung*. Di samping itu, apa yang dipraktikkan di negara jiran juga dapat diadaptasi dan diaplikasi bergantung kepada mana-mana aspek atau bahagian yang sesuai dengan keadaan persekitaran di negara kita. Selama ini kita seakan sudah terbiasa dengan istilah seperti pemuliharaan, maka dengan itu segala tindakan yang telah dilakukan oleh semua pihak yang berkaitan terdahulu seharusnya dilihat kembali dan dikaji semula sama ada ia berkesan ataupun tidak. Refleksi sendiri seperti ini akan membantu supaya tindakan berikutnya yang lebih berkesan dan konkrit supaya kita boleh bergerak maju ke depan di dalam bidang seni ini dengan lebih lancar lagi.

Langkah seterusnya yang harus difikirkan bersama ialah mungkin langkah-langkah yang lebih relevan untuk kita bertindak ke arah pemuliharaan seni ini demi untuk kegunaan bersama semua ahli masyarakat pada masa depan. Sekiranya tanpa usaha yang bersungguh-sungguh dan drastik daripada semua pihak, sudah pasti semakin hari semakin hilanglah segala bentuk seni itu ditelan zaman dan apa yang sangat dikhuatiri ialah segala usaha pemuliharaan itu nanti tidak akan kesampaian kepada matlamat yang diimpi-impikan dan diharap-harapkan. Oleh sebab seni ini merupakan kebanggaan budaya kita bersama dan ia sangat penting untuk dijadikan bahan pengajaran dan pembelajaran di semua peringkat sama ada dari peringkat sekolah rendah, menengah mahupun universiti. Seandainya langkah yang diambil itu serius dan

konkrit, sudah pasti kesinambungan hayat tradisi seni persembahan *Nang Talung* ini akan terpelihara sebagai sebahagian dari khazanah warisan negara yang amat berharga nilai seninya.

Di dalam dunia akademik, dapatan kajian ini juga akan menjadi bahan rujukan tunggal sebagai hasil yang julung-julung kali dihasilkan oleh pengkaji tempatan berkaitan *Nang Talung*. Ini tambahan lagi kerana pengkajinya datang dari kelompok budaya yang sama dengan bidang fokus kajian, serta terlibat secara langsung di dalam seni persembahan ini. Nilai tambah seperti ini seharusnya diberi kredit dan pengiktirafan yang sewajarnya supaya dapatan kajian dari budaya tempatan dapat disebarkan dengan lebih meluas di arena ilmiah.

### **1.2.7 Metodologi Kajian**

Dalam pengkajian ini, pertamanya, pengkaji akan menggunakan kaedah kajian di perpustakaan untuk mencari bahan-bahan berkaitan dengan tajuk kajian dari dokumen sekunder yang telah dilakukan oleh para sarjana atau pengkaji terdahulu. Bahan-bahan rujukan seperti buku-buku ilmiah, jurnal, laporan, kertas kerja mahupun prosiding akan dirujuk untuk mendapatkan contoh serta gambaran sumber. Selain sumber dari bahan bacaan tadi, sumber-sumber dari media lain seperti pita kaset lama, *Video Compact Disk* (VCD), *Digital Video Disk* (DVD), MP3 dan MP4 juga didengar dan ditonton untuk dikaji bagi mendapatkan informasinya. Fakta-fakta yang didapati dari bahan bacaan serta media itu akan bertindak sebagai contoh dan makluman sahaja kerana ia berkemungkinan mengandungi maklumat yang sudah ketinggalan zaman dan tidak boleh disandarkan lagi kesahihan mahupun ketepatannya. Apapun, sekurang-kurangnya data-data itu mampu memerihalkan suasana persembahan dan pasti ia masih lagi berguna